

DATE: 23/5/2008

UTUSAN MALAYSIA

## Kemelut dengan PM tak perlu libatkan Agong - Dr. Mahathir

Daripada FAUZIAH AROF

UM - 23/5/2008

TOKYO 22 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin tidak perlu dilibatkan dalam usaha membantu menyelesaikan kemelut antara beliau dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau menegaskan, kemelut dengan Perdana Menteri itu adalah soal politik dalam UMNO yang tidak sepatutnya melibatkan Tuanku Mizan.

"Ini soal politik dalam UMNO, kita tak bawa kepada Agong kalau kita sendiri tak boleh selesaikan mengikut alasan yang benar. Saya cuma berpegang kepada prinsip, sokong prinsip."

"Ini bukan perkelahian saya dengan Abdullah Ahmad Badawi ataupun keluarga saya dengan keluarga dia. Saya tak utamakan diri saya. Saya cuma berjuang untuk parti, tujuan-tujuan parti yang berkenaan bangsa dan tanah air," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ditemui pemberita Malaysia selepas sesi dialog di Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-14 di Hotel Grand Prince Akasaka di Chiyoda di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan veteran UMNO, Tan Sri Abdul Aziz Tapa yang menyatakan kemelut antara kedua-dua pemimpin itu sudah mencapai tahap memerlukan penglibatan Tuanku Mizan sebagai 'orang tengah' untuk menyelesaikannya.

■ Lihat muka 3

## Kemelut dengan PM tak perlu libatkan Agong – Dr. Mahathir

Abdul Aziz seperti dilaporkan oleh *Bernama* hari ini berkata, hanya menerusi campur tangan Tuanku Mizan sebagai wakil raja-raja Melayu, kedua-dua pemimpin itu boleh duduk berbilang bagi mengatasi perselisihan pendapat antara mereka.

Beliau berkata, tidak ada salahnya untuk raja-raja Melayu campur tangan dalam kemelut antara bekas Perdana Menteri dan penggantian itu memandangkan UMNO adalah pihak yang mengembalikan semula kuasa raja.

"Semasa Malayan Union, raja tak ada kuasa langsung kecuali sebagai ketua agama (Islam), tetapi UMNO menaikkan balik (kuasa raja), (pengasas parti) Datuk Onn (Jaafar) perjuangkan hak raja Melayu," kata Abdul Aziz.

Isnin lalu, Dr. Mahathir mengumumkan beliau hanya akan kembali menyertai UMNO selepas Abdullah yang juga Perdana Menteri meletak jawatan atau tidak lagi menjadi pemimpin negara.

Dalam pada itu, ditanya mengenai harapan Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang bermesyuarat semalam agar Dr. Mahathir kembali kepada UMNO satu masa nanti, bekas Perdana Menteri itu menegaskan, tindakannya keluar parti tidak bermakna beliau tidak setia kepada parti.

"Saya tidak faham MT ini. Kita sekarang ini menghadapi masalah tak faham bahawa kalau kita menentang presiden, tidak bermakna kita menentang parti.

### Sejarah

"Tetapi mereka mentafsirkan kalau kita kata apa-apa mengenai presiden, tanda kita tidak setia kepada parti. Mereka kena lihat sejarah pemimpin-pemimpin parti sebelum ini," katanya.

Mengenai kesediaan Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu menemuinya untuk berbincang mengenai tindakannya keluar parti, Dr. Mahathir berkata, Timbalan Presiden UMNO itu boleh berjumpa dengannya.

"Saya sebenarnya secara langsung telah disingkirkan oleh UMNO sebelum ini apabila saya meletakkan jawatan. Selepas itu saya dapati bahawa hubungan saya dengan menteri-menteri yang dulu saya pilih dan duduk bersama di sekeliling meja, tidak boleh jumpa dengan saya.

"Saya nak jumpa dengan ahli UMNO pun tidak boleh. Kalau saya ada perjumpaan, orang UMNO tidak boleh hadir. Secara langsung saya sudah dianggap sebagai bukan ahli parti. Jadi, apa bezanya sekarang?," katanya.

Mengenai Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Mahathir, beliau berkata, mana-mana pihak tidak sepatutnya meletakkan anaknya itu dalam situasi yang menyukarkan.

"Dia tidak membuat apa-apa kesalahan," jelasnya.

– Utusan